

# Media dalam dunia globalisasi

**M**edia bukan sahaja merupakan cermin kepada masyarakat, malahan ia juga adalah alat perubahan kepada masyarakat.

L. John Martin berpendapat, media massa merujuk kepada alat yang mewujudkan interaksi sosial, politik dan ekonomi dalam ukuran yang lebih moden.

Jika diteliti media massa pada hari ini, ia semakin canggih dan tiada sempadan. Hal ini kerana media massa juga maju seiring dengan pembangunan globalisasi.

Media massa dapat diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu media cetak dan elektronik.

Media cetak ialah bahan-bahan yang bercetak seperti surat khabar, majalah, novel dan sebagainya. Media elektronik ialah televisyen, radio, blog, laman sesawang dan sebagainya.

Menurut Md Sidin Ahmad Ishak, teknologi media massa



**Surat  
Pembaca**

semakin maju dan canggih dan melahirkan bentuk-bentuk media yang bersifat elektronik dan digital.

Setiap bahagian dalam media massa akan memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat kepada manusia. Contohnya, televisyen adalah satu medium penyebaran maklumat yang paling berpengaruh selain daripada surat khabar.

Melalui televisyen kita mengetahui isu semasa, sama ada yang berkaitan dengan negara sendiri atau negara luar. Kerana itu, televisyen adalah medium penyebaran maklumat yang cepat dan pantas.

Media massa dilihat sebagai

satu wasilah utama dalam kehidupan manusia pada hari ini. Tanpa adanya media massa, manusia akan dilabel sebagai "katak di bawah tempurung", kerana sudah pasti mereka tidak tahu apa yang berlaku di keliling mereka. Oleh itu, media massa merupakan satu keperluan masa kini.

Peranan yang dimainkan oleh media massa secara umum adalah sumber primer dalam komunikasi massa. Hal ini dapat dilihat apabila manusia menjadikan media massa sebagai wadah utama dan sumber rujukan dalam mencari maklumat.

Contohnya, baru-baru ini negara kita dikejutkan dengan kehilangan pesawat MH370, kemudian diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang ia berakhir di Lautan Hindi. Kes ini mendapat perhatian seluruh dunia. Tanpa ada media massa, sudah pasti kita

tidak mengetahui tentang perkara tersebut.

Media massa juga dilihat sebagai satu medium dakwah. Banyak program realiti yang berbentuk dakwah dan islamik seperti program *Akademi al-Quran*, *Daie Milenium*, *Soutul Quran*, *Al-hidayah*, *Al-kuliyah* dan sebagainya.

Dengan adanya program seperti ini, kita dapat mempelajari agama melalui media massa. Media massa juga dikatakan pentarbiah manusia.

Oleh itu, perlunya program-program berbentuk agama ini dalam melahirkan lebih ramai manusia yang berakhlak mulia dan bertamadun. Hanya dengan agama yang kukuh di dalam diri, baharulah manusia yang berakhlak dapat dilahirkan seiring dengan dunia yang maju.

Media massa merupakan satu medium informasi yang paling berpengaruh pada zaman

moden ini. Oleh itu, kebanyakan manusia tidak kira yang tua, muda, remaja dan kanak-kanak akan terpengaruh dengan media massa.

Justeru, media massa seharusnya menonjolkan atau memperbanyakkan program atau cerita-cerita yang berunsur islamik supaya manusia dapat mengambil tauladan dan pengajaran daripada program tersebut.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan di sini, media massa adalah keperluan dalam dunia yang semakin maju dari hari ke hari.

Walau bagaimanapun, media massa ini seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin supaya tidak berlaku penyelewengan, seterusnya menyumbang kepada keruntuhan akhlak.

*\* Oleh Siti Asiah Faruk  
Universiti Sains Islam Malaysia*